

Isi Kandungan

Table of Contents

Perutusan Ketua Pegawai Eksekutif	2
Profil Korporat	6

PENGURUSAN

Carta Organisasi	12
Lembaga Pengarah	14
Aktiviti ALP 2012	15
Warga IPPBM	17

PENYELIDIKAN

Penyelidikan	24
Penyelidikan SLA	30

PROGRAM SOKONGAN PENYELIDIKAN

Program	34
Penerbitan	40
Profil Belia Negara	44
Pengurusan Maklumat	45
Laporan Kewangan	56
IPPBM @ Akhbar	71



Perutusan
KETUA
PEGAWAI
EKSEKUTIF

CHIEF
EXECUTIVE
OFFICER
Messages

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) kini telah pun menerajui tahun ketujuh penubuhannya sebagai 'Pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda'. Strategi baru dibentuk dalam memperkasakan kenyataan misi IPPBM iaitu 'menghasilkan dapatan penyelidikan sebagai asas menjana tindakan pembangunan belia' di Malaysia menuju 2015. Tahun ini juga merupakan tahun kedua pelaksanaan Rancangan Malaysia ke Sepuluh (RMK-10) yang mengkhususkan kepada Model Ekonomi Baru bagi membawa Malaysia untuk mencapai status sebagai sebuah negara maju. Bersandarkan kepada itu, adalah menjadi satu tanggungjawab dan komitmen setiap agensi kerajaan, badan berkanun ataupun swasta untuk menjadikan aktiviti di organisasinya sebagai salah satu komitmen dan sumbangan untuk Malaysia mencapai sebagai sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

Melalui salah satu tema di bawah RMK-10 iaitu 'Membangun Dan Mengekalkan Modal Insan Bertaraf Dunia', pihak IPPBM telah mengambil langkah yang proaktif untuk turut menjayakan teras tersebut. IPPBM turut menjayakan teras strategik ketujuh Pelan Strategik Kementerian Belia Dan Sukan 2010-2015 iaitu menerusi usaha 'Pemantapan Penyelidikan Pembangunan Belia Dan Sukan' dengan meliputi isu pembangunan belia, impak dan keberkesanan program, pendapat awam isu semasa serta sosialisasi politik sepanjang tahun 2012 akan membantu pihak kementerian dalam merealisasikan aktiviti untuk RMK-10 dan seterusnya menjayakan pelan strategik KBS 2010-2015 untuk tahun ketiga.

Sepanjang tahun 2012, Petunjuk Prestasi Utama (KPI) IPPBM yang telah ditetapkan di bawah sasaran kajian telah dilaksanakan dan mencapai 100% pelaksanaan iaitu sebanyak 19 kajian dijalankan meliputi tiga segmen kajian iaitu kajian isu pembangunan belia, kajian impak dan keberkesanan program dan kajian pendapat awam isu semasa.

The Malaysian Institute for Research in Youth Development (IPPBM) has been established for 7 years as 'A national research center that studies and research various streams and development of youth'. A new strategy was formulated in strengthening IPPBM's mission statement, which is 'producing research findings as the foundation to generate youth development action' in Malaysia towards 2015. The year 2012 was the second year implementation of the 10th Malaysia Plan (10th MP), which focuses on the New Economic Model to see Malaysia achieve developed nation status and it is the responsibility and commitment of every government agency, including statutory bodies, to continue efforts to elevate Malaysia as a developed country by the year 2020.

IPPBM has taken proactive steps to ensure the success of one of the themes under the 10th MP which is 'Developing and Sustaining World Class Talent'. Apart from that, IPPBM has also successfully contributed to the 7th core strategy of the Youth and Sport Ministry's Strategic Plan 2010-2015 by 'Strengthening Research Development in Youth and Sport' which covers issues in youth development, the impact and effectiveness of programs, public opinion on current issues and socio economic landscapes.

Throughout 2012, the IPPBM Key Performance Indicators (KPI) has specified research targets, which have been implemented and achieved 100% upon the implementation of 19 research areas/projects which covers three segment studies, including youth development issues, the impact and effectiveness of programs and public opinion research on current issues.

Sebagai sebuah pusat rujukan ternama mengenai belia di Malaysia, IPPBM juga mengambil langkah menyeimbangkan aktiviti dalam penyebaran maklumat penyelidikan menerusi elemen berbentuk program sokongan penyelidikan seperti Program Jejak 1M4U-Jom Kaji Selidik yang merupakan susulan dari Kajian Pendapat Awam Isu Semasa: Persepsi Belia Terhadap 1Malaysia for Youth (1M4U) oleh IPPBM. Pendekatan program ini telah menghubungkan belia dengan membawa maklumat inisiatif penyelidikan, mendaftarkan diri dalam Profil Belia Negara dan dalam masa yang sama mendedahkan budaya penyelidikan dalam kalangan belia di Institut Pengajian Tinggi.

As a leading reference centre focusing on youth research in Malaysia, IPPBM has also implemented an outreach approach in spreading research information through support programs such as the Jejak 1M4U-Jom Kaji Selidik. The program has connected the youth with research initiatives, publications and also registration on the National Youth Profile database and at the same time promoted a research culture among youth at higher education institutes. The good relationship with institutions of higher learning is one of the strategic approaches implemented by IPPBM via a Think Tank group of experts and academicians.

Bagi mencapai matlamat Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk menghubungi belia dengan berkesan menerusi medium penyiaran sosial seperti portal, pelaksanaan inisiatif di bawah Makmal Transformasi Pembangunan Belia seperti Program *Virtual Youth Resources Centre* atau lebih dikenali sebagai VyREC telah dijalankan. Pelaksanaan program tersebut merupakan kerjasama IPPBM dengan Gerakan Belia Teknologi Informasi atau lebih dikenali sebagai ITYM. Sejumlah 22 aktiviti telah dilaksanakan oleh pihak ITYM bagi mempromosikan VyREC kepada generasi muda. Pelaksanaan program sokongan seperti VyREC ini secara tidak langsung turut mempromosikan IPPBM dalam memberi sumber informasi berkaitan aktiviti penyelidikan yang dilaksanakan oleh IPPBM. Pelaksanaan Portal VyREC di bawah seliaan IPPBM ini sedikit sebanyak telah menjadikan portal VyREC ini sebagai tempat rujukan belia bagi mendapatkan informasi dalam medium komunikasi berpusat.

Another effort to effectively connect with the youth is the program under the Youth Development Transformation Lab, Virtual Youth Resources Centre Program or known as VyREC. The program is conducted by IPPBM with the cooperation of the Information Technology Youth Movement, better known as ITYM. To promote VyREC to the young generation, a total of 22 activities have been scheduled by ITYM. VyREC as a supportive program has played a role in promoting IPPBM as a resource information related to youth research activities. Under the supervision of IPPBM, the VyREC portal has become a One Stop Centre for reference where youth can obtain the latest information.

IPPBM juga telah mendapat pengiktirafan sijil ISO 9001:2008 pada tahun ini setelah berjaya melaksanakan setiap tugas berlandaskan kepada 26 Prosedur Kualiti sejak tahun 2011. Sehingga kini IPPBM dapat mengekalkan kualiti perkhidmatan malah semakin teguh dengan dipandu oleh ISO tersebut.

During the year 2012, IPPBM performed each of its tasks based on 26 Quality Procedures developed by the ISO Committee consisting of IPPBM personnel. To date, IPPBM has managed to maintain quality services guided by ISO 9001:2008.

Tumpuan juga diberikan oleh IPPBM kepada usaha penerbitan bagi tujuan memaklumkan mengenai penyebaran dan perkongsian maklumat kepada masyarakat tentang perkembangan generasi belia masa kini. Usaha pencapaian penerbitan telah pun mencapai matlamatnya dengan menerbitkan *Malaysian Journal of Youth Studies Volume 6* dan *Volume 7*, *Buletin Fakta* (4 edisi), *Indeks Belia Malaysia 2011 Fasa II*, *Pemetaan Belia Malaysia versi 2012 Fasa II*, *Fakta Belia 2011 Edisi Kedua Fasa II* dan *Laporan Tahunan 2011*.

Publications at IPPBM serve to share and spread information to the public on youth development issues. IPPBM has achieved the target by publishing the Malaysian Journal of Youth Studies Volume 6 and Volume 7, Buletin Fakta (4 Editions), the Malaysian Youth Index 2011 Phase II, the Malaysian Youth Mapping version 2012 Phase II, Youth Facts 2011 2nd edition Phase II and the Annual Report 2011.

Pada tahun 2012 juga telah menyaksikan pengurusan kewangan IPPBM 100% menggunakan sistem kewangan untuk badan berkanun yang dinamakan sebagai *Standard Accounting for Government Agencies (SAGA)*. Sehubungan itu, pihak IPPBM berjaya menguruskan kewangan untuk tahun 2012 dengan baik, efisien dan mengurangkan pertanyaan audit.

The year 2012 also witnessed IPPBM financial management systems fully utilizing the Standard Accounting for Government Agencies (SAGA). Therefore, IPPBM has successfully managed its financials efficiently and reduced audit queries for the year 2012.



Sepanjang tahun 2012, IPPBM telah melaksanakan setiap tugas berlandaskan 26 Prosedur Kualiti yang dibina oleh Jawatankuasa ISO yang terdiri daripada warga IPPBM sendiri. Sehingga kini IPPBM dapat mengekalkan kualiti perkhidmatan dengan dipandu oleh ISO 9001:2008.

Pihak Pengurusan IPPBM dengan kerjasama pihak MAMPU, Jabatan Perdana Menteri telah berusaha melaksanakan Pelan Strategik IPPBM 2013 – 2015. Penghasilan Pelan Strategik ini akan menjadi dokumen yang telah menggariskan hala tuju dan perkembangan peranan baru IPPBM bermula pada tahun 2013. Berpandukan kepada 5 objektif yang telah digariskan dan bakal pelaksanaannya untuk beberapa tahun ke hadapan, Pelan Strategik ini telah memberi gambaran keperluan sumber manusia ke arah meningkatkan kapasiti perkhidmatan serta produk IPPBM yang dijangkakan akan dapat memenuhi keperluan pelanggan dan stakeholders. Dari sudut kekuatan sumber manusianya, IPPBM kini beroperasi dengan kekuatan 13 anggota tetap dan 22 anggota kontrak. Dari aspek panduan urus tadbirnya, IPPBM ditadbir dan diselia oleh sebuah Lembaga Pengarah yang diketuai oleh seorang pengerusi iaitu Y.Bhg Dato' Dr. Junaidy bin Abd. Wahab. Di samping itu, IPPBM telah mewujudkan pasukan Think Tank yang terdiri daripada golongan profesional dari pelbagai IPT dan agensi. Pasukan ini menjadi pakar rujuk IPPBM berkenaan isu-isu berkaitan persekitaran pembangunan belia di Malaysia. Malah pasukan ini menjadi hos dan perantara di institusi yang diwakili bagi program dan aktiviti penyelidikan yang bekerjasama dengan IPPBM.

Bagi meningkatkan lagi jaringan kerjasama dengan pihak luar, IPPBM juga tidak ketinggalan menjalinkan kerjasama dengan beberapa pihak luar sama ada dalam menjayakan kajian atau program sokongan kajian secara bersama. Sebagai menghargai kerjasama yang diberikan oleh pihak luar, IPPBM mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga di atas kerjasama yang diberikan dalam melaksanakan misi pembangunan belia di Malaysia. Selain itu, pihak pengurusan IPPBM juga merakamkan penghargaan kepada semua anggota IPPBM yang begitu komited dan berdedikasi dalam menjayakan segala kajian dan program yang dirancang untuk tahun 2012. Sesungguhnya komitmen dan dedikasi yang ditunjukkan oleh semua warga IPPBM telah banyak membantu meningkatkan imej IPPBM pada dunia luar.

Adalah diharapkan tahun 2013 yang mendatang akan memberi cetusan semangat dan kejayaan kepada IPPBM untuk merealisasikan transformasi kerajaan dalam menjayakan agenda nasional terutamanya dalam pembangunan modal insan.

Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof

Ketua Pegawai Eksekutif
Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia
Kementerian Belia dan Sukan

IPPBM has been certified and recognized for being an ISO 9001:2008 user based on 26 Qualities Procedures since year 2011. Since then, IPPBM has managed to maintain quality services as guided by ISO 9001:2008.

In collaboration with MAMPU, IPPBM has been working to implement the IPPBM Strategic Plan 2013-2015. The Strategic Plan will be geared towards future implementation, describe Human Resources requirements in order to increase organization service capacity and products to meet the expectations of IPPBM customers and stakeholders. In term of it Human Resources strength, IPPBM currently operates with 13 permanent staff members and 22 contract staff members. IPPBM is govern and administered by a Board of Directors headed by a Chairman, Dato' Dr. Junaidy bin Abd. Wahab and eight members. In addition, IPPBM has created a Think Tank comprising professionals and experts from various types of higher learning institutes and agencies. This group acts as a consultants on issues related to Youth Development in Malaysia and also as a partners in formulating institutionalization programs and research projects with IPPBM.

Alhamdulillah, IPPBM has now become more successful in expanding its services in Youth research and support programs in championing the Youth Development in Malaysia. These triumphs are from various KBS departments' efforts, the stakeholders and all the youth in strengthening youth development in Malaysia. IPPBM also would like to express its gratitude for all the cooperation and effort contributed by IPPBM staff. The commitment and dedication put into their work in the research and program implementations planned in year 2012 has helped to elevate the image of IPPBM.

It is hoped that the coming year of 2013 will spark enthusiasm and success in IPPBM to realize the national agenda particularly in the development of human capital to ensure the success of the Government Transformation Program.

Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof

Chief Executive Officer
Malaysian Institute for Research in Youth Development
Ministry of Youth and Sports

PROFIL KORPORAT

Corporate Profile

LAPORAN
TAHUNAN

ANNUAL REPORT

INSTITUT PENYELIDIKAN
PEMBANGUNAN
BELIA MALAYSIA

MALYSIAN INSTITUTE FOR RESEARCH IN YOUTH DEVELOPMENT





Pengenalan

Introduction

Founded on 15 May 2005, the Malaysian Institute for Research in Youth Development (IPPBM) is a national research center that examines various aspects of the flow and development of the younger generation and its relation to changes in the national, regional and international levels. To achieve its objectives, the Institute will perform a variety of research programs; organize conferences, workshops, lectures and seminars; publish journals, pamphlets on a variety of research, and provide various research facilities including a resource center and database on youth development.

Ditubuhkan pada 15 Mei 2005, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IPPBM) adalah sebuah pusat penyelidikan nasional yang mengkaji pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda dan kaitannya dengan perubahan yang berlaku di peringkat nasional, serantau dan antarabangsa. Untuk mencapai matlamatnya, Institut ini akan melaksanakan pelbagai jenis program penyelidikan; menganjurkan persidangan, bengkel, syarahan dan seminar; menerbitkan jurnal, risalah mengenai hasil penyelidikan yang pelbagai termasuklah sebuah pusat sumber dan data mengenai pembangunan belia.

Visi

Vision

Menjadi Pusat Serantau yang terkenal dengan maklumat dan pengetahuan yang berasaskan penyelidikan berkaitan dengan Dasar dan Pembangunan generasi muda dan menjadi Pusat Penyelidikan Nasional dalam pelbagai aspek aliran dan pembangunan generasi muda.

To become a regional center known for its information and knowledge-based research and policy development related to the younger generation and to become the National Research Centre for the various aspects of flow and youth development.

Misi

Mission

Meningkatkan kerjasama dan penggembleran tenaga akademik, pengamal dan ahli komuniti yang berminat dengan pembangunan belia untuk bersama-sama mengkaji isu-isu belia daripada pelbagai dimensi agar dapat menjadi input kepada dasar, mencari penyelesaian yang bermakna terhadap pelbagai masalah yang dihadapi oleh belia dan juga mempromosi agenda tindakan baru yang akan meningkatkan pembangunan positif terhadap belia dan negara.

To enhance co-operation between academicians, practitioners and community members who are interested in youth development to jointly study youth issues from a multi-dimensional perspective in order to serve as input for policies, find a meaningful solution to the various problems faced by the youth and also to promote new agenda and actions that will enhance the positive development of youth and the nation.

Matlamat

Objectives

- 1 Untuk memastikan maklumat yang sesuai dan mencukupi diperolehi di dalam membantu kerajaan menggubal dan melaksanakan dasar-dasar yang berkaitan dengan pembangunan belia negara;

To ensure that appropriate and adequate information is obtained to assist the government in formulating and implementing policies related to the development of youth;
- 2 Untuk menggalakkan dan melaksanakan penyelidikan dalam pelbagai aspek kehidupan sosial, ekonomi dan politik belia agar impaknya kepada generasi muda dapat dikenal pasti;

To promote and conduct research in various aspects of social, economic and political impact on the youth so that young people can be identified;
- 3 Membantu kerajaan mengenal pasti dan mengambil tidak balas terhadap kekurangan dan duplikasi dalam perkhidmatan kepada generasi muda yang timbul daripada pelbagai latar belakang dan keadaan, serta mengesyorkan tindakan pembangunan yang sewajarnya;

Help the government to identify and respond to inadequacies and duplication of services to young people that may arise from different backgrounds and circumstances, and recommend appropriate development actions;
- 4 Bekerjasama dengan pusat penyelidikan tempatan dan antarabangsa serta mewujudkan satu rangkaian untuk memanfaatkan usaha penyelidikan dan pengemblengan sumber sedia ada;

Collaborate with local and international research centers and create a network to take advantage of existing research and resources;
- 5 Untuk menyebarkan maklumat generasi muda kepada pihak yang bertanggungjawab untuk penyelidikan dan penerbitan yang berkualiti dan sesuai dengan pelaksanaan dasar awal; dan

To disseminate information to the younger generation who are responsible for research and publication-quality and appropriate to the performance of the initial policy, and
- 6 Mengurus usaha penyelidikan yang berkaitan dengan pembangunan belia dan projek-projek khas yang dikenal pasti oleh kerajaan.

Manage research efforts related to youth development and special projects identified by the government.



Perkhidmatan & Aktiviti

Services & Activities

Perkhidmatan dan aktiviti institut ini merangkumi aspek-aspek berikut:

- Penyelidikan asas dan gunaan.
- Bantuan dan sokongan penyelidikan.
- Penyebaran maklumat dan pendidikan.
- Jaringan dan perkongsian pintar.

Teras Penyelidikan Asas dan Gunaan

- Gaya hidup, tingkah laku delinkuen dan masalah sosial belia.
- Indikator sosial dan kesejahteraan hidup belia.
- Globalisasi, budaya dan media.
- Pendidikan dan pekerjaan.
- Hubungan antara generasi, isu-isu etnik dan masyarakat pelbagai budaya.
- Pembangunan dan peningkatan kapasiti.
- Demokrasi dan sosialisasi politik.
- Rakan pembangunan dan urus tadbir.
- Kajian impak dan keberkesanan.

Bantuan dan Penyelidikan

- Menyediakan perpustakaan dan pusat sumber.
- Mewujudkan Portal Belia untuk mendapatkan akses kepada maklumat mengenai belia.
- Membangunkan pangkalan data.
- Bekerjasama dengan perpustakaan rakan kongsi bagi tujuan memperluaskan rangkaian sumber rujukan.
- Menaja penyelidikan berkaitan dengan pembangunan belia.

Penyebaran Maklumat dan Pendidikan

- Menerbitkan surat berita menghebahkan aktiviti institut.
- Menerbitkan berita penyelidikan.
- Menganjurkan seminar, bengkel dan syarahan awam.

Jaringan dan Perkongsian Pintar

- 'Partner Networks' antara institut penyelidikan dalam dan luar negara.
- 'Research Networks' antara penyelidik-penyelidik dalam dan luar negara.
- 'Sponsor Networks' antara penyumbang dan penaja aktiviti institut.

IPPBM services and activities are comprised of the following aspects:

- *Basic and applied research.*
- *Research help and support.*
- *Dissemination of information and education.*
- *Networking and smart partnership*

Basic Research and Usage

- *Lifestyle, delinquent behavior and youth social problems*
- *Youth indicators on social well-being*
- *Globalization, culture and media*
- *Education and career*
- *Intergenerational relations, ethnic issues and multicultural society*
- *Capacity increment and development*
- *Democracy and political socialization*
- *Management and peer development*
- *Effectiveness and impact research*

Research Facilities

- *Library*
- *Youth portal*
- *Developing a youth database*
- *Collaborating with other libraries in order to widen the pool of information*
- *Providing research grants related to youth development information distribution and education*

Information Distribution and Education

- *Publish bulletins for the institute*
- *Publish research news*
- *Organize seminars, workshops and luncheon talks*

Networking and Smart Partnership

- *'Partner Networks' with other research institutes or universities*
- *'Research Networks' among other researchers*
- *'Sponsor Networks' between funder and institute's activity sponsors*

Piagam Pelanggan

Client Charter

Kami bertekad untuk sentiasa aktif dan komited sebagai peneraju dalam perkhidmatan penyelidikan pembangunan belia yang global dalam memenuhi kehendak dan keperluan pelanggan dengan:-

1. Melaksanakan, memastikan dan menghasilkan penyelidikan yang bermanfaat kepada kementerian khususnya dan negara amnya.
2. Menyediakan dan mengurus perbelanjaan kajian dengan efisien.
3. Mengurus pembayaran dengan cekap dalam tempoh tidak melebihi satu bulan.
4. Memberi dan menghebahkan maklumat kajian untuk kepentingan umum.

We are determined to remain active and committed to being a leader in the global research on youth development to meet customer needs and requirements and to:

1. *Execute, ensure and produce research that is beneficial to the ministry in particular and the country in general.*
2. *Prepare and manage spending efficiently.*
3. *Efficiently manage payment within a period not exceeding one month.*
4. *Provide and disseminate research information for public interest.*

Nilai & Budaya Kerja

Values & Work Culture

- | | |
|---|---|
| 1. Fokus kepada kepuasan pelanggan. | 1. <i>Focus on customer satisfaction</i> |
| 2. Keuntungan (jangka masa pendek dan panjang). | 2. <i>Profit (short-term and long-term)</i> |
| 3. Inovasi dan membaik pulih produk dan sistem. | 3. <i>System and product innovation and improvement</i> |
| 4. Komitmen kepada kualiti. | 4. <i>Commitment and quality</i> |
| 5. Pembangunan pekerja / pembelajaran hayat. | 5. <i>Employee development / life-long learning</i> |
| 6. Penghargaan terhadap pekerja. | 6. <i>Employee appreciation</i> |
| 7. Kerja berkumpulan. | 7. <i>Teamwork</i> |
| 8. Integriti, kejujuran dan tingkah laku etika. | 8. <i>Integrity, honesty and ethics</i> |
| 9. Hormat terhadap individu. | 9. <i>Individual respect</i> |
| 10. Budaya kerja yang berkualiti. | 10. <i>Quality work culture</i> |

PENGURUSAN

Management

LAPORAN
TAHUNAN

ANNUAL REPORT

INSTITUT PENYELIDIKAN
PEMBANGUNAN
BELIA MALAYSIA


MALYSIAN INSTITUTE FOR RESEARCH IN YOUTH DEVELOPMENT






Carta Korporat Corporate Chart

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia



Carta Organisasi Organisation Chart

Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia





Lembaga Pengarah Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia

Board Of Directors Malaysian Institute For Research In Youth Development



PENGERUSI *Chairman*

Y.Bhg Dato' Dr. Junaidy bin Abd. Wahab



SETIAUSAHA *Secretary*

Dr. Wasitah Hj Mohd Yusof

AHLI *Members*



Tuan Borhan bin Dolah



Encik Maliki Mohamed
Rapiee



Encik Madzrib
bin Ibrahim



Prof Madya Dr. Asyraf
Wajdi bin Dusuki



Tuan Haji Zakariah
bin Md. Sam



Prof. Madya Datuk Dr. Hj.
Sharifuddin bin Haji Zainuddin



Puan Hjh. Hatipah
binti Ibrahim

Lembaga Pengarah IPPBM Sepanjang Tahun 2012

IPPBM Board Of Directors For The Year 2012

Sepanjang tahun 2012, IPPBM telah mempunyai seramai 10 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Menteri Belia dan Sukan seperti mana tertakluk dalam Akta 668 (Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2007) di bawah seksyen 59. Pengarah ini dipengerusikan oleh Y.Bhg Dato' Dr. Junaidy bin Abd. Wahab. Manakala Setiausaha Lembaga Pengarah ialah Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof juga merangkap Ketua Pegawai Eksekutif IPPBM. Berdasarkan kepada keperluan Akta 668, salah seorang anggota hendaklah terdiri daripada Ketua Pengarah, Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN) iaitu Pn. Hjh. Hatipah Binti Ibrahim serta tujuh orang anggota yang lain.

Lembaga Pengarah ini berperanan menjadi badan eksekutif IPPBM dalam menjalankan semua aktiviti yang dapat memberi manfaat kepada kerajaan melalui kawalan dan pentadbiran IPPBM. Dalam hal ini, Lembaga Pengarah berupaya memberi cadangan dan pandangan sesuatu aktiviti yang dijalankan oleh IPPBM yang memfokuskan kepada pembangunan belia (dari aspek pendidikan, penyelidikan, sumber manusia atau selainnya) berdasarkan kepada pengetahuan, pengalaman dan profesionalisme masing-masing. Antara aktiviti Lembaga Pengarah IPPBM yang telah dijalankan sepanjang tahun 2012 adalah seperti di Jadual 1:

During the year 2012, IPPBM had a total of 10 members of the Board of Directors appointed by the Minister of Youth and Sports in accordance with Act 668 (Youth Societies and Youth Development Act 2007) under section 59. The Board of Directors is chaired by Y.Bhg. Dato' Dr. Junaidy bin Abd. Wahab, while the Secretary of the Board is Dr. Wasitah Hj. Mohd Yusof cum Chief Executive Officer of IPPBM. Based on the requirements of Act 668, one of the members shall consist of the Director General of Jabatan Belia dan Sukan Negeri (JBSN), Pn. Hjh. Hatipah Binti Ibrahim and seven other members.

The role of the Board of Directors is as IPPBM executive body, to carry out all the activities that are beneficial to the government through the monitoring and administration of IPPBM. In this regard, the Board of Directors is able to give suggestions and views of various activities conducted by IPPBM that focus on youth development (in terms of education, research, human resources and others) based on knowledge, experience and professionalism respectively. Among the activities of the IPPBM Board of Directors conducted during the year 2012 are as in Table 1:





Jadual 1: Aktiviti Lembaga Pengarah IPPBM, 2012

Table 1: IPPBM Board of Directors Activities, 2012

Bil. No.	Perkara Item	Tarikh Date	Tempat Venue
1.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali ke 16 Bil 1/2012 <i>16th Meeting of the Board of Directors No 1/2012</i>	22 Mac 2012 <i>22 March 2012</i>	Bilik Mesyuarat Aras 10, IPPBM <i>Meeting Room Level 10, IPPBM</i>
2.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali ke 17 Bil 2/2012 <i>17th Meeting of the Board of Directors No 2/2012</i>	22 Jun 2012 <i>22 June 2012</i>	Bilik Mesyuarat Aras 10, IPPBM <i>Meeting Room Level 10, IPPBM</i>
3.	Lawatan Kerja Lembaga Pengarah IPPBM ke Kementerian PEMUDA dan Olahraga (KEMPORA) Republik Indonesia. <i>Working Visit by IPPBM Board of Directors to the Ministry of Youth and Sports (KEMPORA) Republik Indonesia.</i>	16-19 Julai 2012 <i>16-19 July 2012</i>	Jakarta, Indonesia
4.	Pembentangan hasil kajian IPPBM kepada Lembaga Pengarah <i>Presentation of IPPBM findings to the Board of Directors</i>	10 Ogos 2012 <i>10 August 2012</i>	Bilik Mesyuarat PICC, Putrajaya <i>Meeting Room, PICC, Putrajaya</i>
5.	Majlis Berbuka Puasa Kakitangan IPPBM dan Lembaga Pengarah IPPBM <i>IPPBM Board of Directors and Staff Open House</i>	10 Ogos 2012 <i>10 August 2012</i>	PICC, Putrajaya
6.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali ke 18 Bil 3/2012 <i>18th Meeting of the Board of Directors No 3/2012</i>	28 September 2012 <i>28 September 2012</i>	Bilik Mesyuarat Aras 10, IPPBM <i>Meeting Room Level 10, IPPBM</i>
7.	Lawatan kerja wakil Kementerian PEMUDA dan Olahraga (KEMPORA) Republik Indonesia ke IPPBM <i>Working Visit by Ministry of Youth and Sports (KEMPORA) Republik Indonesia representatives to IPPBM</i>	30 November 2012 <i>30 November 2012</i>	IPPBM dan Cruise Tasik Putrajaya <i>IPPBM and Putrajaya Lake Cruise</i>
8.	Pembentangan hasil kajian IPPBM kepada Lembaga Pengarah <i>Presentation of IPPBM findings to the Board of Directors</i>	25 Disember 2013 <i>25 December 2013</i>	Bilik Mesyuarat Bayview Hotel, Langkawi <i>Meeting Room, Bayview Hotel, Langkawi</i>
9.	Mesyuarat Lembaga Pengarah Kali ke 19 Bil 4/2012 <i>19th Meeting of the Board of Directors No 4/2012</i>	26 Disember 2012 <i>26 December 2013</i>	Bilik Mesyuarat Bayview Hotel, Langkawi <i>Meeting Room, Bayview Hotel, Langkawi</i>

PENGURUSAN TERTINGGI

Higher Management

DR. WASITAH BINTI HJ MOHD YUSOF
Ketua Pegawai Eksekutif
Chief Executive Officer



ZULFADHLI BIN ABD AZIZ
Eksekutif Penyelidik Kanan I
Senior Research Executive I



HAJI ZAKARIAH BIN MD. SAM
Ketua Pegawai Operasi
Chief Operating Officer



SURAYA SULAIMAN
Eksekutif Penyelidik Kanan II
Senior Research Executive II



WARGA KERJA

Staff

BAHAGIAN PERANCANGAN DAN PENYELIDIKAN

Cawangan Penyelidikan

RESEARCH AND DEVELOPMENT DIVISION

Research Branch



1 ZULFADHLI BIN ABD AZIZ
Eksekutif Penyelidik Kanan I
Senior Research Executive I

2 SHAHHANIM BINTI YAHYA
Eksekutif Penyelidik
Research Executive

3 MASTURA BINTI MOHAMAD
Eksekutif Penyelidik
Research Executive

4 SHARIFAH BINTI MAMAT
Eksekutif Penyelidik
Research Executive

5 MOHD RIZAL BIN MOHD SHAM
Eksekutif Penyelidik
Research Executive

6 MOHD SAIFUL NIZAM BIN MOHD ZAHRI
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

7 NURUL HIDAYAT BIN ISMAIL
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

8 NORATI'QAH BINTI TALIB
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

9 NIK NORHIDAYAH BINTI NIK ZAINUN
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

Tiada dalam gambar:

KHAIRI EKMA SULAIMAN
Eksekutif Penyelidik
Research Executive

NOOR HAZAIEN MOHD HANIF
Eksekutif Penyelidik
Research Executive

NABILA BINTI MAT ISA
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

NOR ZAFIRAH BINTI HARUN
Pembantu Penyelidik
Research Assistant

Cawangan Perancangan Program Dan Komunikasi Korporat
Program Planning And Corporate Communications Branch



1

SURAYA SULAIMAN
Eksekutif Penyelidik Kanan II
Senior Research Executive II

2

NADYA SHAFFINAZ BAJURI
Pegawai Penyelaras Data & Penerbitan
Data & Publications Coordination Officer

3

SHAH ROMNIZAM BIN RAMLI
Penolong Pegawai Perangkaan
Assistant Statistics Officer

4

NOOR SHEILA BINTI MHD NASIR
Penolong Pegawai Penerbitan
Assistant Publications Officer

5

NOOR 'AYU BINTI SHARIF
Pembantu Tadbir (P/O)
Administrative Assistant (P/O)

Tiada dalam gambar:

ALWANI BINTI NOR AMEEN
Penolong Pegawai Penerbitan
Assistant Publications Officer

RIZAL IKHWAN BIN ROBUAN
Pegawai Program
Program Officer

MOHD NOR AIMULLAH BIN SALEH
Penolong Pegawai Komunikasi Korporat
Assistant Corporate Communications Officer



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN Unit Pentadbiran & Pengurusan Sumber Manusia

MANAGEMENT SERVICES DIVISION Administrative & Human Resource Management Unit



- 1 NUURUL MIZAN BINTI YA'COB
Pegawai Tadbir
Administrative Officer
- 2 RAJA SHAHIDA BINTI RAJA HASSAN
Penolong Pegawai Tadbir
Assistant Administrative Officer
- 3 WAN NOR ZAIDAH BINTI WAN ZAIN
Pembantu Tadbir (P/O)
Administrative Assistant (P/O)
- 4 NURITA FARIZA BINTI RAHIM
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)
Administrative Assistant (Secretarial)

- 5 ARIFFIN BIN ABD RAHMAN
Pembantu Am Pejabat
General Office Assistant
- 6 MUHAMMAD MUSLIM BIN ZAKARIA
Pembantu Am Pejabat
General Office Assistant
- 7 MOHD NOORSHAM BIN CHE' MAT
Pemandu
Driver
- 8 MOHD NOR AZAM BIN KAMARUDIN
Pembantu Tadbir
Administrative Assistant

UNIT KEWANGAN & PEROLEHAN *Finance & Procurement Unit*

- 1 MOHD FARIUS BIN BUJANG
Penolong Akauntan
Accounts Assistant
- 2 SARTINA BINTI SAFIAN
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Administrative Assistant (Finance)
- 3 SITI AISYAH BINTI MOHD RAWI
Pembantu Tadbir (Kewangan)
Administrative Assistant (Finance)




UNIT PENGURUSAN MAKLUMAT *Information Management Unit*

- 1 NOOR AFIFAH BINTI JOHARI
Pegawai Teknologi Maklumat
Information Technology Officer
- 2 HASDURA BINTI ABD HAMID
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat
Assistant Information Technology Officer

Tiada dalam gambar:

WAN ACHMAD SYAFIQ FIRZA BIN WAN RAMLI
Juruteknik Komputer
Computer Engineer



PENYELIDIKAN


Research

LAPORAN
TAHUNAN

ANNUAL REPORT

INSTITUT PENYELIDIKAN
PEMBANGUNAN
BELIA MALAYSIA

MALYSIAN INSTITUTE FOR RESEARCH IN YOUTH DEVELOPMENT





Penyelidikan Sepanjang Tahun 2012

Research For The Year 2012

Sepanjang tahun 2012, IPPBM telah menjalankan beberapa kajian yang telah disenaraikan dalam KPI IPPBM untuk tahun 2012. Setiap penyelidikan yang telah dilaksanakan terbahagi kepada 3 kategori iaitu Kajian Pendapat Awam Isu Semasa, Kajian Impak dan Keberkesanan Program serta Kajian Isu Pembangunan Belia.

During the year 2012, IPPBM was carried out execute 19 studies that have been listed in the IPPBM KPI for 2012. Each research undertaken is divided into 3 categories: Studies on Current Public Opinion Issues, Studies on Program Impact and Effectiveness and Studies on Youth Development Issues.

A. Kajian Isu Pembangunan Belia

i. Kajian Kefahaman Dan Persepsi Generasi Muda Terhadap Rasuah

Disember 2011 - Mac 2012

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti kefahaman dan persepsi belia terhadap gejala rasuah. Di samping itu, dalam kajian ini juga telah mendapatkan pandangan belia mengenai isu-isu rasuah di Malaysia serta mengenal pasti langkah-langkah yang relevan untuk dilaksanakan bagi membasmi rasuah. Kajian ini telah menggunakan metodologi secara *online survey*.

ii. Kajian Pemetaan Belia Malaysia Fasa II

Januari - Disember 2012

Kajian ini dibahagikan kepada dua bentuk pelaksanaan iaitu (i) pembentukan buku Pemetaan Belia Malaysia; (ii) pembinaan portal Pemetaan Belia Malaysia. Portal tersebut boleh diakses melalui url <http://petabelia.kbs.gov.my>.

iii. Kajian Profil Belia Malaysia

Januari - Disember 2012

Pengumpulan data belia merupakan satu usaha untuk mewujudkan pangkalan data yang komprehensif bagi membantu proses perancangan dasar dan program-program kementerian. Pangkalan data yang komprehensif diperlukan agar pelaksanaan program khususnya yang melibatkan pengagihan kewangan, kumpulan sasaran serta kawasan tumpuan agar dapat dilaksanakan.

A. Study on Youth Development Issues

i. Study of Youth Understanding and Perception Towards Corruption

December 2011 - March 2012

This study aims to identify the understanding and perception of youth against corruption. In addition, this study also sought the views of youth on issues of corruption in Malaysia as well as identifies relevant measures to be implemented to eradicate corruption. This study used an online survey method.

ii. Study of Malaysian Youth Mapping Phase II

January - December 2012

The study was divided into two forms of implementation which are (i) the design of the Malaysian Youth Mapping book, (ii) the construction of the Malaysian Youth Mapping portal. The portal can be accessed through URL <http://petabelia.kbs.gov.my>

iii. Malaysian Youth Profile Study

January - December 2012

The collection of youth data strives to create a comprehensive database to assist in the Ministry's policy and program planning process. A comprehensive database is required so that program implementation, especially those that involve financial allocation, target groups and focus areas can be carried out.

iv. Kajian Penerimaan Dan Pelaksanaan Akta Pertubuhan Belia Dan Pembangunan Belia 2007 (Akta 668) Oleh Pegawai Pelaksana

September 2012 - Januari 2013

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti sejauh mana pemahaman dan pematuhan pegawai pelaksana berhubung kewujudan dan penguatkuasa Akta 668. Kajian ini juga mengenal pasti sejauh mana pegawai pelaksana memantau pertubuhan belia yang wujud di Malaysia. Di samping itu, dalam kajian ini juga telah mengenal pasti setiap halangan atau masalah yang berpunca daripada pegawai pelaksana yang menyebabkan sesetengah persatuan belia lesu. Kajian ini telah menggunakan kaedah *online survey* dan *Focus Group Discussion* (FGD).

iv. Study of the Acceptance and Implementation of the Youth Association and Development Organisation Act 2007 (Act 668) by the Implementation Officer

September 2012 - January 2013

This study aims to identify the enforcement officer's extent of understanding and compliance in relation to the establishment and enforcement of the Act 668. This study also identifies the extent to which the implementation officers monitor youth organizations that exist in Malaysia. In addition, this study also identifies any obstacles or problems arising from the implementation officer which result in some youth associations becoming run down. This study used an online survey method and Focus Group Discussion (FGD).

B. Kajian Impak dan Keberkesanan Program

i. Kajian Impak & Keberkesanan Program MyCorps Fasa II

Julai - September 2012

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mewujudkan elemen kepimpinan, kesukarelaan, kemahiran umum, efikasi diri, *self-esteem*, hubungan dengan masyarakat & rakan dan motivasi pencapaian di kalangan peserta program. Kajian telah menggunakan kaedah borang soal selidik dan *Focus Group Discussion* (FGD).

B. Study on Impact and Effectiveness of Program

i. Study on Impact and Effectiveness of Program MyCorps Phase II

July - September 2012

This study aims to establish the elements of leadership, volunteerism, general skills, self-efficacy, self-esteem, relationships with community & friends and achievement motivation among participants. This study used a questionnaire method and Focus Group Discussion (FGD).

ii. Kajian Impak & Keberkesanan Program Anugerah Remaja Perdana Rakan Muda

Ogos - November 2012

